

D173

U B222 AAB
MAHATHIR - SENJATA

I

KUALA LUMPUR, 20 MAC (BERNAMA) -- MALAYSIA TELAH PUN MEMBUAT KEPUTUSAN MENGENAI JENIS SENJATA YANG IA PERLUKAN DAN BERAPA BANYAK IA MAMPU BERBELANJA BAGI MEMPEROLEHI SENJATA-SENJATA ITU, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BAGAIMANAPUN, KEPERLUAN PERTAHANAN MALAYSIA ADALAH SEDERHANA BERBANDING DENGAN KEPERLUAN NEGARA-NEGARA LAIN, KATANYA KETIKA MERASMIKAN PERSIDANGAN DAN PAMERAN PERKHIDMATAN PERTAHANAN ASIA (DSA) DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI.

KATANYA, SEJAK 1948, PERATURAN YANG WAJAR DARIPADA BELANJAWAN NEGARA TERPAKSA DITAMBAH UNTUK MEMERANGI KEGIATAN PENGANAS KOMUNIS YANG BELIAU SIFATKAN SEBAGAI SATU PERANG YANG TIDAK MEMERLUKAN ALAT PERSENJATAAN YANG CANGGIH DAN MAHAL KERANA KEPERLUAN UTAMA IALAH KEMAHIRAN DALAM GERAKAN ANTI GERILA.

+KINI DENGAN BERAKHIRNYA PERANG GERILA ITU, KITA TIDAK AKAN LUPA KEMAHIRAN YANG DIPEROLEHI ITU. BAGAIMANAPUN KITA MENYEDARI BETAPA PERLUANYA MEMILIKI KEMAMPUAN DALAM PERANG KONVENSYENAL, + KATANYA SEBAGAI MERUJUK KEPADA PERLETAKKAN SENJATA OLEH ANGGOTA PARTI KOMUNIS MALAYA (PKM) DI BAWAH SATU PERJANJIAN PERDAMAIAN YANG DITANDATANGANI PADA 2 DIS TAHUN LEPAS.

MALAYSIA, PERDANA MENTERI BERKATA, IALAH SEBUAH DARIPADA SEBILANGAN KECIL NEGARA DI DUNIA YANG TELAH BERJAYA MENUMPASKAN GERILA KOMUNIS. -- LAGI.

1452MST 20 03 90

U B228 AAB

MAHATHIR - SENJATA 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENGGESA AGAR PENYELIDIKAN DAN TENAGA DIALIHKAN KE ARAH KEPERLUAN DUNIA SEJAGAT TANPA PERANG DINGIN.

BELIAU JUGA BERKATA, PERMINTAAN BAGI SENJATA DAN SISTEM PENGAWASAN YANG CANGGIH AKAN SEMAKIN BERTAMBAH UNTUK MEMERANGI PENYELUDUPAN KHUSUSNYA DADAH, + TAMBAH BELIAU.

KATANYA, JIKA SISTEM PENGAWASAN YANG CANGGIH ITU DAPAT DISESUAIKAN BAGI USAHA-USAHA MEMERANGI KEGIATAN PENYELUDUPAN, PASARAN BAGINYA AKAN DAPAT MEMASTIKAN PENGEKALAN INDUSTRI PERSENJATAAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, SISTEM AMARAN DAN KAWALAN UDARA (AWACS) TELAH MEMAINKAN PERANAN DALAM BIDANG INI DI AMERIKA SYARIKAT.

BELIAU JUGA MENGULANGI BAHAWA ASIA TENGGARA HENDAKLAH BEBAS DARIPADA KONFLIK DAN PERGESERAN KUASA-KUASA BESAR UNTUK MEMBOLEHKAN PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN DI RANTAU ITU DITERUSKAN.

PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, SEBARANG PERCUBAAN ATAU TINDAKAN YANG BERCANGGAH DENGAN KONSEP ZON AMAN, BEBAS DAN BERKECUALI (ZOPFAN) YANG DIHASRATKAN DIRANTAU INI TIDAK AKAN DAPAT MEMBANTU MENJAYAKAN MATLAMAT INI TETAPI SEBALIKNYA AKAN MEMBERI PELUANG KEPADA PIHAK-PIHAK LAIN DARI LUAR UNTUK MEMBABAITKAN DIRI MEREKA DALAM RANTAU INI. -- LAGI.

1512MST 20 03 90

U B231 AAB
MAHATHIR - SENJATA 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA, MALAYSIA DAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA ASEAN YANG LAIN AKAN TERUS BERUSAHA MENJAYAKAN ZOPFAN DAN ZON BEBAS DARIPADA NUKLEAR DIRANTAU INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BAGI MALAYSIA KESEDIAAN PERTAHANAN ADALAH PERLU UNTUK MEMASTIKAN KESTABILAN BAGI PEMBANGUNAN EKONOMI.

+KITA BUKANLAH SEBUAH NEGARA YANG AGRESIF DAN KITA TIDAK MEMPUNYAI SEBARANG TUNTUTAN BAGI SESEBUAH WILAYAH. BEGITU JUGALAH WILAYAH MALAYSIA ADALAH BUKAN UNTUK DIJUAL KEPADA SESIAPA,+ TEGASNYA.

BAGAIMANAPUN, PRIME MERDANA MENTERI MENAMBAH KATA BAHAWA MALAYSIA MENERIMA HAKIKAT PERLUNYA UNTUK MEMPERTAHANKAN LAUT DAN WILAYAH-WILAYAHNYA DENGAN APAJUA KEKUATAN YANG ADA PADANYA.

+KEPERLUAN PERTAHANAN UTAMA KITA PADA MASA DAHULU IALAH UNTUK MEMERANGI PEMBERONTAKAN KOMUNIS,+ KATANYA DAN MENAMBAH KATA BAHAWA SEJAK MEMERANGI KOMUNIS ANGGOTA-ANGGOTA KESELAMATAN MALAYSIA TELAH MEMPEROLEHI KEMAHIRAN TERBAIK DALAM TEKNIK PERANG ANTI GERILA DI DALAM HUTAN. -- LAGI.

1523MST 20 03 90

D189

U B234 AAB
MAHATHIR - SENJATA 4 KUALA LUMPUR

I

PAMERAN EMPAT HARI ITU DISERTAI OLEH 230 BUAH SYARIKAT DARIPADA 28 NEGARA. PAMERAN ITU MELIPUTI KAWASAN SELUAS 12,000 METER PERSEGI PADA TIGA ARAS PUSAT DAGANGAN ITU.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN MENYAKSIKAN LINTAS TERBANG DUA JET PEJUANG TORNADO BUATAN BRITISH DI RUANG UDARA PWTC SEBELUM MELIHAT PAMERAN ITU.

YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS PERASMIAN ITU IALAH MENTERI PERTAHANAN, TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN DAN RAKAN SEJAWATANNYA, JEN BENNY MOERDANI DARI INDONESIA, JEN FIDEL RAMOS DARI FILIPINA DAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN SINGAPURA, BRIG JEN LEE HSIEN LOONG YANG JUGA MENTERI PERTAHANAN KEDUA REPUBLIK ITU. -- BERNAMA.
1531MST 20 03 90